

13 DEC 2000

Bonus

KAKITANGAN AWAM TERIMA BONUS SETENGAH BULAN ATAU MINIMUM RM500

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Kira-kira 800,000 kakitangan awam akan menerima bayaran bonus sebanyak setengah bulan gaji pokok tertakluk kepada had minimum RM500.

Menurut Akauntan Negara Siti Maslamah Otman, imbuhan itu akan dibayar penuh dalam bulan Disember ini.

Dalam surat pekeliling Akauntan Negara, beliau berkata kadar bonus yang perlu dibayar hendaklah dikira berasaskan kepada gaji pokok yang telah dibayar bagi bulan ini kecuali pegawai yang tidak lagi berkhidmat bagi tempoh Disember, yang perkiraannya berdasarkan kepada gaji pokok terakhir.

Mengikut pekeliling itu, cukai pendapatan tidak perlu dipotong daripada amaun yang hendak dibayar tetapi imbuhan itu hendaklah diambil kira dalam Penyata Tahunan.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang mengkaji permintaan dan rayuan pelbagai pihak termasuk Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) supaya membayar bonus kepada kakitangan awam.

Kata Perdana Menteri, perkara itu sedang dikaji oleh Kementerian Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Sebelum ini, kakitangan awam agak kecewa apabila Daim tidak menyebut langsung mengenai pembayaran bonus ketika membentangkan Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat pada 27 Okt lepas.

Ketika ditanya wartawan mengenai perkara itu selepas pembentangan Belanjawan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak memberi bonus kepada kakitangan awam dalam Belanjawan 2001 kerana mereka baru sahaja diberikan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus.

Beliau berkata jumlah pendapatan yang dinikmati daripada kenaikan sebanyak 10 peratus itu sebenarnya sudah melebihi jumlah bonus sebulan gaji.

-- BERNAMA

NJ AHH NMO